

**Gaya hidup 'mewah' Rosmah mula jadi sasaran kritikan Dr Mahathir**  
**The Malaysian Insider**  
**April 20, 2015**

Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini memperhebatkan lagi asakan beliau terhadap Datuk Seri Najib Razak apabila mula menjadikan isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, sebagai sasaran kritikan.

Kali ini, beliau mensasarkan kritikan tersebut terhadap isu yang sering menjadi bahan politik seteru Najib dari Pakatan Rakyat (PR) iaitu dakwaan gaya hidup mewah Rosmah.

"Ada banyak perkara tentang kelakuan peribadinya (Najib) yang saya rasakan tidak betul.

"Namun, saya bersedia untuk melupakannya, termasuklah gaya hidup mewah beliau dan isterinya," kata Dr Mahathir dalam tulisan terbaru di blognya hari ini.

Menulis lanjut, Dr Mahathir mengulangi kenyataan beliau sebelum ini yang Najib tidak lagi layak menjadi perdana menteri apabila gagal menjelaskan perjalanan kewangan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Malah kali ini, Mahathir maju selangkah lagi apabila turut mendakwa Najib melibatkan "individu-individu yang diragui" dalam pengurusan 1MDB.

Untuk menguatkan hujahnya itu, beliau berjanji akan mengupas kisah tentang kehilangan berbilion ringgit wang negara dalam tulisan seterusnya.

"Saya akan jelaskan bagaimana beliau kehilangan berbilion ringgit dalam tulisan akan datang," katanya.

Kenyataan hari ini merupakan serangan terbuka kedua dari Dr Mahathir terhadap Najib selepas beliau secara berterus terang menganggap Najib gagal sebagai perdana menteri pada Sabtu lalu.

Beliau menggesa Umno menyingkirkan Najib bagi memastikan kelangsungan parti itu dalam pilihan raya akan datang.

Serangan Dr Mahathir ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada kepimpinan Umno.

Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pada satu forum semalam, Dr Mahathir tidak keseorangan dalam menyatakan kebenaran.

Sementara, Naib Presiden Umno Datuk Seri Shafie Apdal hari ini menggesa kerajaan memberi jawapan terperinci kepada soalan-soalan Dr Mahathir.

Seorang lagi naib presiden, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang merangkap sepupu Najib, pula merasakan pendapat dan persoalan Dr Mahathir tidak perlu

dilayan kerana ia akan menjejaskan perjalanan parti dan negara. – 20 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gaya-hidup-mewah-rosmah-mula-jadi-sasaran-kritikan-dr-mahathir>